

"Jangan Takbur," kata Dr M.

"MAHATHIR ingatkan ahli-ahli UMNO jangan takbur", kata sebuah akhbar bersaiz separuh besar yang tersiar di Utusan Melayu, September 11, 1978.

Berita selanjutnya melapurkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan seluruh ahli UMNO supaya jangan takbur meskipun kita telah mendapat kemenangan cemerlang dalam pilihanraya yang lalu.

Kalanya, seluruh ahli-ahli UMNO mestilah bersikap bersih diri dan sentiasa bersyukur dengan apa yang diperolehi kerana itu yang dituntut oleh agama kita Islam.

Datuk Seri Dr. Mahathir melahirkan rasa bimbang tentang kekuatan orang-orang Melayu di negeri ini pada masa akan datang ini kerana bertambahnya kegiatan pulau-memulau sesama sendiri yang berlaku sekarang.

Menurutnya, beliau amat dukacita kerana sikap pulau-memulau itu dilakukan oleh orang-orang yang arif di

bidang agama sebaliknya membuat apa yang ditegah oleh agama.

Dr. Mahathir kemudian berharap seluruh ahli UMNO supaya sentiasa mendekati orang-orang berkenaan kerana kita perlukan perpaduan.

Ini kerana perpaduan yang wujud itu bukan untuk kekuatan UMNO tetapi adalah untuk kekuatan bangsa dan masyarakat kita sendiri. "Walaupun orang Pas tidak suka untuk bersatu-padu dengan kita tetapi kita akan terus berusaha untuk memupuk perpaduan tersebut", katanya....

* * *

Komen Penulis

Oleh kerana apa yang diperkatakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah menjelaskan maksudnya sendiri, maka komen penulis hanyalah tertumpu kepada kalimah "jangan takbur".

Catitan khas: Untuk maklumat para pembaca yang bukan keturunan Melayu, "takbur" mengikut Kamus Dewan adalah berasal dari perkataan Arab "takabbur" yang bermakna "perasaan besar diri (menggagap diri sendiri yang mulia, dan lain-lain)".

Nasihat ikhlas Datuk Seri itu patutlah sangat disanjung tinggi serta di-

ambil ingatan untuk dijadikan panduan hidup harian oleh para pembaca, samada mereka terdiri dari ahli-ahli parti UMNO ataupun tidak. Kerana, PADAH perangal takbur, dalam konteks kuasa, kejelitaan, kekayaan ataupun kekuatan, — samada melalui cakapan ataupun lagak — telah terbukti di hikayat-hikayat purba, di buku-buku sejarah, di akhbar-akhbar dan majallah-majallah, serta jua di pentas bangsawan di zaman silam. Kerana, umpamanya, kuasa yang dipegang oleh seorang hamba Allah tidak akan berkekalan — Allah sahaja yang maha kuasa dan yang berkekalan kuasanya. Kejelitaan pula hanyalah "skin-deep", kerana maklum sajalah, apa yang licin dan menarik di hari ini akan berkedut dan tidak lagi menarik di esok hari; dan yang berpinggang ramping di hari ini tidak semestinya akan berkecadaan begitu jua di esok hari; kalau anda tak percaya tengok sajalah apa yang terjadi kepada bintang-bintang pujaan Hollywood jelita dan sexy dalam tahun 40an dan 50an dahulu yang masih hidup di hari ini. Kekayaan — seorang hartawan ataupun super-hartawan yang kaya-raya di hari ini mungkin menjadi papa

kedana di esok hari. Kekuatan — kuat di hari ini mungkin lemah di esok hari, kerana maklum sajalah, otot-otot yang segar dan tegang di hari ini akan menjadi kecut dan lisut di esok hari....

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia